

13 JUN 1997

MIC AKAN BERI PENHARGAAN KEPADA PASUKAN EVEREST

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- MIC sedang mempertimbangkan untuk memberi penghargaan kepada pasukan Everest pada mesyuarat agungnya awal Ogos depan, kata seorang jurucakap parti hari ini hari ini.

"Mesyuarat jawatankuasa pusat parti akan datang yang dijadualkan pada 20 Jun akan membincangkan anugerah yang sesuai kepada Magendran dan Mohandas dan anggota pasukan itu yang lain," katanya kepada Bernama.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan merasmikan mesyuarat agung itu pada 2 Ogos di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) akan menyampaikan anugerah itu kepada mereka bagi pihak MIC.

M.Magendran and N.Mohanadas memacak bendera Malaysia di puncak setinggi 8,848 meter itu pada 23 Mei lepas dan dengan itu menjadi dua rakyat Malaysia pertama menakluki gunung Everest.

Kerajaan telah mengumumkan antara lain hadiah wang tunai sebanyak RM50,000 kepada Magendran dan Mohanadas manakala anggota pasukan yang lain akan menerima antara RM20,000 dan RM40,000. -- BERNAMA

RV WAT